

AZHAR Ahmad
JAYUM Jawan
Universiti Putra Malaysia
AZMI Awang
Universiti Kebangsaan Malaysia

KONFLIK SELATAN THAILAND PASCA THAKSIN SHINAWATRA

THE POST THAKSIN SHINAWATRA CONFLICT IN SOUTHERN THAILAND

Rampasan kuasa oleh pihak tentera pada tahun 2006 tidak membawa sebarang perubahan drastik terhadap konflik dan keganasan yang tercetus di wilayah selatan Thailand. Penguasaan tentera dalam kerajaan Surayud Chulanonth sebagai Perdana Menteri hanya mengurangkan insiden keganasan untuk tempoh waktu yang sementara sahaja, tetapi peralihan kuasa kepada tiga Perdana Menteri secara berturut-turut iaitu Samak Sundaravej, Somchai Wongsawat dan Chaovarath Chanweerakul, tidak juga memperlihatkan kendurannya kepada konflik yang berlaku. Ini kerana ketiga-tiga pemimpin ini tidak berkesempatan untuk merancang usaha rundingan dan perdamaian kerana lebih menumpukan kepada pergelutan politik yang berlaku di negara tersebut. Pada tahun 2009, peralihan kuasa kepada Abhisit Vejjajit juga kurang meredakan konflik dan aktiviti keganasan di selatan Thailand meskipun beliau mengambil pelbagai langkah untuk mengatasinya. Artikel ini membincangkan konflik di selatan Thailand pasca pemerintahan Thaksin Shinawatra dan langkah yang diambil oleh pemimpin selepasnya untuk menyelesaikan konflik tersebut dengan berhujah akar konflik di selatan Thailand pasca pemerintahan Thaksin masih gagal ditangani menyebabkan konflik berterusan sehingga hari ini.

Kata kunci: *konflik, selatan Thailand, Thaksin, pilihan raya*

Thailand's military coup of 2006 did not bring the hoped for changes to the conflict and violence that had been prevalent in its southern province. The military supremacy of Prime Minister Surayud Chulanonth's government saw an initial reduction in violent incidents, but the transfer of power to three Prime Ministers in quick succession, namely Samak Sundaravej, Somchai Wongsawat and Chaovarath Chanweerakul, saw an alarming escalation of brutal conflict. This situation arose in part because the three leaders failed to focus on negotiation or reconciliation incentives with the rebel factions as

the national political struggle assumed priority. In 2009, then prime minister Abhisit Vejjajiya took a variety of steps to directly target terrorist activities in southern Thailand but met with little success. This article discusses the issues in southern Thailand and the successive measures of each government to resolve it, arguing that the failure to address the fundamental reasons for the struggle by any post Thaksin Shinawatra Prime Minister has contributed to the conflict's longevity.

Keywords: *conflict, Southern Thailand, Thaksin, election*

Pengenalan

Pilihan raya umum di Thailand pada tahun 2001 menyaksikan parti Thai Rak Thai telah memenangi pemilihan tersebut dan calonnya Thaksin Shinawatra telah dipilih untuk mengetuai pentadbiran Thailand selama lima tahun berikutnya. Pun begitu, penguasaannya dalam politik Thailand tidak kekal lama. Keadaan ini berpunca daripada corak pemerintahannya yang autokratik, gejala rasuah berleluasa, dan tindakannya yang mencabul hak asasi manusia di selatan Thailand. Oleh itu, selepas kejatuhan Thaksin, pentadbiran Thailand diambil alih oleh Surayud Chulanoth (September 2006-2008), Samak Sundaravej (2008-2009), Somchai Wongsawat (September 2008-Disember 2008), Chaovarat Chanweerakul (Disember 2008) dan Abhisit Vejjajiya (2009-2011) dan kini Thailand di bawah pentadbiran Yingluck Shinawatra.

Artikel ini membincangkan perkembangan politik Thailand pasca Thaksin. Antara yang menjadi fokus analisis adalah bentuk konflik di selatan Thailand selepas pemerintahan Thaksin, faktor yang menyebabkan berlakunya konflik tersebut, langkah yang diambil oleh kerajaan Thailand pasca Thaksin untuk mengatasi konflik yang muncul dan kesan konflik tersebut ke atas politik dan pembangunan wilayah selatan Thailand.

Konflik di Selatan Thailand di bawah Pentadbiran Surayud Chulanoth

Selepas pentadbiran Thaksin Shinawatra digulingkan pihak tentera pada 1 Oktober 2006, perkembangan konflik di wilayah selatan Thailand berada dalam keadaan yang tegang dan tidak menentu. Ketegangan yang tercetus semasa pemerintahan Surayud disebabkan peningkatan aktiviti kumpulan-kumpulan pemisah yang terdiri daripada PULO, BRN-Kordinat, Gempar dan GMIP. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh reaksi kumpulan-kumpulan tersebut ke atas tindakan zalim yang dilakukan oleh rejim Thaksin sebelum peralihan kuasa kepada Surayud berlaku.

Justeru itu, Surayud telah berusaha keras untuk mengembalikan keamanan dan kepercayaan masyarakat Thai terhadap kerajaan. Di antara

tindakan yang dilakukannya ialah memberi fokus utama kepada usaha membina kekuatan dalaman pemerintahan berbanding aspek pertumbuhan ekonomi. Perubahan pendekatan ini bertujuan mengurangkan konflik yang terlalu banyak berlaku di era Thaksin seperti konflik selatan Thailand yang menjejaskan nama baik Thailand dan rakyatnya, serta isu-isu kronisme dan nepotisme.

Penekanan ini dibuat Surayud kerana semasa di zaman pemerintahan Thaksin, hampir 1,400 orang penduduk telah terbunuh dan tidak menunjukkan tanda-tanda perubahan yang lebih baik. Misalnya pada 2 September 2006, satu peristiwa pengeboman yang mengerikan berlaku di wilayah Yala, selatan Thailand apabila dua bom buatan sendiri meletup di dalam dan di luar dua minggu sebelum Thaksin berlepas ke Amerika untuk menghadiri perhimpunan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) di Washington. Peristiwa tersebut telah mengakibatkan seorang pegawai kerajaan terbunuh dan mencederakan 28 orang awam yang disyaki dilakukan oleh kumpulan pemisah. Kejadian ini menyebabkan lebih dari 5,000 penduduk Islam selatan Thailand keluar beramai-ramai mendoakan keamanan, namun tindakan penduduk-penduduk yang beragama Islam berakhir dengan tragedi apabila dua wanita Islam ditembak mati oleh pihak polis.

Peristiwa-peristiwa pengeboman semakin berterusan khususnya di wilayah selatan Thailand sehingga menyebabkan Surayud berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan dan menamatkan konflik yang berlaku. Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa tindakan awal diambil oleh beliau bertujuan meredakan ketegangan iaitu dengan bertindak memohon maaf kepada semua penduduk selatan Thailand berhubung keganasan tentera yang berlaku sebelum ini. Tindakan permohonan maaf Surayud ini telah diterima baik oleh masyarakat selatan Thailand yang menganggap tragedi Takbai dan pembunuhan di masjid Kerisek pada 2004 sebagai punca utama meningkatnya keganasan anti kerajaan di selatan Thailand. Sejalan dengan langkah permohonan maaf ini juga, pada 3-6 Disember 2006 Surayud telah bertindak menarik balik pelaksanaan undang-undang tentera di 41 daripada 71 buah wilayah di seluruh Thailand yang telah diisytiharkan Thaksin semenjak tahun 2005. Meskipun pelaksanaan undang-undang tentera masih dikedalkan di beberapa wilayah selatan Thailand yang masih bergolak seperti Pattani, Narathiwat dan Yala, namun penarikan undang-undang tentera ini di beberapa wilayah meredakan kemarahan penduduk selatan Thailand kerana dan dapat mengurangkan tindakan keganasan oleh tentera seperti dalam insiden Kerisek dan Takbai (Imtiyaz Yusuf 2009:42). Langkah yang diambil Surayud ini mendapat kerjasama penuh tentera apabila Jeneral Sonthi Boonyaratglin iaitu Pengerusi Council for National Security turut bersetuju mengumumkan penarikan kembali pelaksanaan Undang-Undang Darurat (*Emergency Decree*). Pengumuman Sonthi ini menggembirakan majority rakyat selatan Thailand kerana di bawah pelaksanaan Undang-Undang Darurat ini, pihak

tentera mempunyai kuasa yang bebas untuk menangkap sesiapa sahaja yang dianggap atau disyaki sebagai anggota kumpulan pemisah selama 30 hari tanpa waran.

Selain permohonan maaf dan menukar corak pemerintahan tentera di beberapa wilayah, Surayud juga turut menubuhkan kembali Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan (SBPAC) yang telah dibubarkan oleh pentadbiran Thaksin pada 2 Mei 2002 dan digantikan dengan SBPCC. Tindakan menubuhkan kembali SBPAC adalah di atas kesedaran kerajaan yang melihat kepentingan agensi tersebut sebagai perantara bagi komuniti tempatan dengan pihak kerajaan semenjak 21 tahun yang lalu (Chalk 2008:112). Pembubaran organisasi pentadbiran tersebut pada tahun 2002 bukan sahaja menyingkirkan peranan penduduk daripada terlibat dalam pentadbiran kerajaan tetapi juga turut melebarkan jurang hubungan dan menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam terhadap pentadbiran kerajaan pusat. Keadaan ini disebabkan penduduk wilayah selatan Thailand merasakan diri mereka semakin disisihkan oleh kerajaan pusat dan kehilangan ruang dalam urusan pentadbiran.

Terdapat beberapa inisiatif yang dilakukan oleh pentadbiran Surayud untuk mengambil hati masyarakat selatan Thailand misalnya mengembalikan semula desentralisasi kuasa kepada peringkat tempatan. Tindakan ini dilakukan melalui pelantikan semula gabenor wilayah yang berketurunan Melayu dan beragama Islam seperti pelantikan Teera Mintrasak sebagai gabenor baru Yala (Liow 2008:98). Pada Oktober 2006, Surayud turut melakukan beberapa lawatan rasmi ke Malaysia dan Brunei Darussalam untuk mendapatkan nasihat berkenaan tindakan terbaik yang perlu dilakukan untuk menyelesaikan krisis di selatan Thailand (Neil 2007:137). Dalam lawatannya ke Malaysia, Surayud telah bertemu dengan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi dan memohon kerajaan Malaysia bertindak sebagai orang tengah bagi mewujudkan perdamaian di selatan Thailand. Langkah ini bukan sahaja mendapat sokongan oleh negara-negara Islam lain, malah oleh masyarakat selatan Thailand yang telah lama menantikan usaha untuk menyelesaikan konflik di negara mereka.

Satu lagi pendekatan Surayud dalam pentadbirannya yang dapat mempengaruhi hati masyarakat selatan Thailand ialah melaksanakan dasar pembangunan sosioekonomi yang lebih baik dan adil. Berbeza seperti di zaman pemerintahan Thaksin, Surayud telah berjaya merangka pelbagai program pembangunan bagi kawasan selatan dengan memberi peluang kepada penyertaan penduduk dan organisasi SBPAC untuk menentukan halatuju pembangunan sosioekonomi, khususnya projek-projek pertanian berkaitan. Tindakan ini bertujuan untuk mengelakkan kerugian jutaan Baht akibat kegagalan projek-projek pertanian yang dijalankan semasa era pentadbiran Thaksin yang dikawal ketat oleh tentera (Syukree 2006:49). Di antara langkah-langkah positif lain yang dilaksanakan Surayud di selatan Thailand ialah melantik lebih ramai ahli-ahli baru dalam kabinet sementara beliau pada

tahun 2006. Misalnya pelantikan Jeneral Boonrawd Somtas sebagai Menteri Pertahanan, Aree Wong-araya sebagai Menteri Dalam Negeri, bekas pengarah Polisi Tenaga dan Perancangan Pejabat, Piyasvasti Amranand sebagai Menteri Tenaga Gabenor Bank Pusat, Pridiyathorn Devakula sebagai Menteri Kewangan dan Pengerusi Bangkok Bank Chairman Kosit Panpiemras sebagai Menteri Industri (Ungpakorn 2007:164). Tujuan pemilihan ahli-ahli baru kabinet ini adalah untuk menyingkirkan pengaruh Thaksin dalam kerajaan dan membolehkan satu rancangan perlembagaan baru yang lebih baik digubal. Meskipun Surayud melakukan perubahan dalam kabinetnya, pelantikan ini masih dikritik oleh banyak pihak kerana didominasi golongan birokrat, ahli-ahli ekonomi dan teknokrat dalam kalangan tentera (Neil 2007:121).

Walaupun Surayud berjaya mengenalpasti masalah utama konflik yang berlaku di selatan Thailand dan berusaha memulihkan kembali hubungan dengan penduduk-penduduknya, namun pemberian autonomi atau kemerdekaan seperti yang dituntut oleh penduduk selatan Thailand, khususnya 'pejuang' PULO, BRN dan GMIP bukanlah pilihan utama kerajaan. Akibatnya konflik di selatan Thailand masih terus berlaku dan masih boleh dikawal oleh pemerintah. Ini termasuklah insiden seperti serangan bom, tembak curi bermotosikal, pembakaran rumah dan sekolah, kejadian memusnahkan kemudahan awam, penculikan dan pelbagai lagi. Insiden-insiden yang berlaku ini sekali gus menjelaskan langkah-langkah yang dilakukan oleh pentadbiran Surayud gagal menyelesaikan krisis dan ketegangan yang berlaku.

Ketidakuashatian penduduk di wilayah selatan Thailand berterusan apabila berlaku beberapa rusuhan kecil dan demonstrasi yang berakhir dengan kejadian tembak-menembak antara kumpulan pemisah dengan penduduk dan tentera pada 24 November 2007. Dalam insiden tersebut, seramai tujuh orang penduduk telah terkorban dan salah seorang daripada mangsa merupakan guru agama Buddha. Menteri Pertahanan Thailand, Jeneral Boonward Somtas menegaskan insiden tersebut berlaku kerana penduduk enggan berunding dengan kerajaan selain munculnya banyak kumpulan pemisah yang menyukarkan kerajaan penyelesaian konflik. Pada 25 November 2006, iaitu sehari selepas insiden tembak menembak berlaku di Narathiwat, Surayud menghantar 800 anggota tentera ke wilayah Narathiwat, Yala dan Pattani bagi memulihkan hubungan dengan masyarakat tempatan. Bagaimanapun, tindakan beliau tersebut gagal meredakan konflik yang telah lama tercetus sebaliknya mencetuskan lagi beberapa insiden baru keganasan terutamanya demonstrasi penduduk yang menuntut penarikan undang-undang darurat dan tentera. Keadaan tersebut menyebabkan Surayud mengarahkan tentera membuat pemantauan dari udara di ketiga-tiga buah wilayah utama yang bergolak kerana insiden konflik selatan Thailand telah membunuh sejumlah 1900 orang. Meskipun dasar diplomasi yang dilaksanakan oleh Surayud tidak memberikan hasil yang besar, namun pendekatan beliau berjaya mendapat pujian Abdullah Ahmad Badawi yang menurutnya lebih baik berbanding

Thaksin dan lebih dekat dengan rakyat Thailand. Abdullah percaya rakyat selatan Thailand akhirnya akan menerima pendekatan berlembut tetapi mereka memerlukan lebih banyak masa (Neil 2007:135).

Insiden yang mencetuskan konflik serius di wilayah selatan Thailand berlaku semula pada 26 Disember 2006 apabila polis menahan lapan lelaki Muslim. Selain itu, mereka juga didakwa memiliki senjata, terlibat dengan rangkaian dadah di sebuah apartment di Bangkok dan dipercayai anggota pemisah. Insiden penahanan ini dikatakan mempunyai pertalian dengan penemuan sebutir bom dan beratus-ratus peluru raifel yang disembunyikan oleh kumpulan pemisah di dasar sungai berhampiran tebing Sungai Chao Phraya pada 25 Disember 2006. Semenjak insiden penahanan tersebut, pelbagai peristiwa pengeboman, tembak menembak dan balas dendam berlaku di wilayah Narathiwat, Yala dan Pattani sepanjang Januari 2007 hingga Disember 2008.

Insiden-insiden pengeboman, tembak menembak dan perbuatan balas dendam menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah angka korban yang ketara. Misalnya angka kematian akibat keganasan meningkat mendadak daripada 50 orang kepada 54 dan seterusnya 84 orang antara Januari hingga Mac 2007. Kadar tertinggi kematian akibat insiden ini berlaku dalam bulan Mei 2007 apabila sejumlah 101 orang terbunuh pada bulan tersebut. Meskipun bilangan kematian menurun selepas itu, kadar kematian masih lagi tinggi dan membimbangkan. Antara beberapa insiden keganasan serius yang tercetus pada tahun 2007 ialah kejadian tembak menembak melibatkan sekumpulan pemisah dan tentera di daerah Rgae, Narathiwat pada 2 Mac 2007 yang berakhir dengan kematian lima pejuang pemisah dan mencederakan lima pelajar sekolah. Pada 14 Mac 2007, satu peristiwa tembak menembak yang didalangi kumpulan pengganas yang tidak dikenali telah tercetus. Dalam tragedi tersebut, kumpulan pemisah telah bertindak menembak dan membunuh sembilan orang awam di dalam sebuah van yang sedang menuju ke Narathiwat dari Songkla. Satu lagi tragedi keganasan berlaku pada 28 Mac 2007 apabila 11 penduduk yang beragama Islam di Yala ditahan oleh pasukan keselamatan Thailand di atas tuduhan terlibat sebagai pengganas kerana memiliki dua laras senapang M16, dua laras senapang patah, *walkie-talkie* dan peluru, sejumlah wang termasuk mata wang Malaysia (Neil 2007:142).

Selain itu, faktor sejarah dan latar identiti setiap kaum juga dipertimbangkan sebagai punca kepada tercetusnya sesebuah konflik khususnya di wilayah selatan Thailand. Dalam konteks ini, konflik yang berterusan semasa pentadbiran Surayud juga berpunca daripada kegagalan beliau merealisasikan janjinya untuk menghormati masyarakat Melayu Islam di selatan Thailand. Hujah Chalk yang menyatakan bahawa identiti dan status adalah menjadi penentu kepada berakhirnya atau berkembangnya konflik adalah tepat dalam menjelaskan mengenai konflik di selatan Thailand. Oleh

itu, satu langkah penting untuk mengatasi konflik di wilayah berkenaan adalah memberikan penghormatan dan autonomi luas kepada rakyat di selatan Thailand untuk mewujudkan perdamaian yang diinginkan oleh semua pihak. Namun keadaannya sebaliknya berlaku pada April 2007, apabila pelbagai insiden keganasan terus memuncak meskipun Surayud telah berusaha keras untuk mencari penyelesaian damai termasuklah dengan meminta bantuan Malaysia sebagai orang tengah untuk menyelesaikan krisis. Konflik yang semakin serius dapat dilihat melalui beberapa kejadian serangan pada April 2007, antaranya insiden serangan pengganas pada 5 April di masjid Yala yang mencederakan 15 jemaah, insiden empat remaja Islam ditembak mati oleh sukarelawan tentera akibat kecuiaan pada 10 April 2007 yang mengundang demonstrasi 600 penduduk menuntut keadilan daripada kerajaan dan insiden serangan balas pemisah ke atas sebuah Humvee tentera di Pattani pada 21 April 2007 yang membunuh tiga tentera.

Pada bulan Mei 2007, berlaku beberapa insiden keganasan lain seperti demonstrasi melibatkan ratusan penduduk Islam di Patani yang menuntut tentera membebaskan pejuang-pejuang pemisah dan penarikan balik undang-undang darurat. Misalnya pada 9 Mei, kumpulan pemberontak bertindak meletupkan sebutir bom yang ditanam di tepi jalan di antara Bongo-Rangae sehingga mengorbankan tujuh anggota tentera dari kem Tambun Bongo yang sedang bertugas. Pemberontak turut bertindak memperlahankan operasi menyelamat dengan menabur paku-paku di atas jalan raya di sepanjang laluan menuju ke tempat kejadian. Tindakan kumpulan pemberontak tersebut dilakukan bertujuan untuk membalas dendam kepada pihak tentera yang membunuh rakan-rakan mereka kerana disyaki sebagai pejuang pemisah. Beberapa insiden kecil lain turut berlaku pada 9 Mei 2007 iaitu seorang pekerja hospital mati ditembak di hadapan Hospital Sai Buri di Pattani dan seorang penduduk kampung di Yala terbunuh, manakala anak lelakinya cedera parah dalam insiden tembakan tersebut.

Akibat peningkatan insiden keganasan di wilayah-wilayah terbabit, Surayud pada 21 Mei 2007 telah berjanji kepada rakyat melalui siaran media untuk berusaha mencari kaedah yang terbaik bagi menamatkan konflik di selatan, termasuk mengadakan perbincangan dengan kumpulan pemberontak. Beliau menjelaskan usaha rundingan dengan kumpulan militan masih berlangsung walaupun kerajaan didesak untuk mengambil tindakan keras terhadap puak pemisah yang terbabit dalam keganasan. Pendekatan pemerintahan Surayud yang berlembut dalam isu ini telah dikritik oleh Ketua Pemerintah Operasi Keselamatan Dalam (ISOC), Panlop Pinmanee kerana menurutnya kaedah rundingan akan "menaikkan status" kumpulan pemberontak. Beliau dikenali sebagai salah seorang tokoh tentera yang kontroversi berkaitan konflik di selatan Thailand kerana dalam tragedi Masjid Kerisk di Patani pada 28 April 2004, beliau merupakan pegawai tentera tertinggi yang terlibat. Dalam peristiwa berdarah tersebut, seramai

32 penduduk yang beragama Islam telah dibunuh tentera dalam masjid berkenaan. Namun, usaha dan rayuan yang disuarakan oleh Surayud gagal untuk menamatkan konflik tercetus sebaliknya meningkatkan ketegangan dan konflik di wilayah terbabit (Chachavalpongpun 2010:43).

Sehingga pada 1 Jun 2007, seramai 2,100 orang penduduk telah terkorban akibat pemberontakan kumpulan pemisah untuk mendapatkan hak kemerdekaan Patani. Konflik yang mencetuskan pemberontakan berlaku hampir setiap hari dan pada 5 Jun 2007, dua anggota tentera serta seorang pelajar cedera parah kerana menjadi mangsa kepada serangan bom di Rangae, Narathiwat apabila sebutir bom meletup dan memusnahkan sebuah kereta peronda polis. Pada 8 Jun 2007, seorang wanita dan 23 orang awam cedera parah akibat letupan sebutir bom di sebuah restoran di Yala, manakala 15 Jun 2007, seramai tujuh anggota tentera terbunuh dalam kejadian letupan bom di Kampung Busu, berhampiran sebuah jalan di Bannang Sata (Chachavalpongpun 2010:51).

Peningkatan insiden keganasan ini menyebabkan Surayud dan Abdullah Ahmad Badawi menganjurkan sebuah mesyuarat Suruhanjaya Bersama di Bangkok dan Kuala Lumpur bagi menyelesaikan konflik. Mesyuarat ini bagaimanapun gagal mencapai sebarang hasil menyebabkan kejadian keganasan meningkat. Pada bulan Ogos 2007, sejumlah 170 kes keganasan berlaku sehingga membunuh sejumlah 73 orang penduduk di wilayah selatan Thailand. Bilangan angka kematian terus meningkat kepada 54 orang menjelang 10 Ogos 2007 dan 73 orang pada akhir Ogos apabila beberapa insiden pembunuhan berlaku di kawasan Rangae, Tanjung Mas, Daerah Waeng, Bacho dan Yala melibatkan beberapa anggota tentera, sami dan penduduk Muslim. Pada September hingga November 2007, insiden keganasan merosot di sekitar 120-130 kes sebulan dan mencatatkan kematian sekitar 63-65 orang sebulan.

Secara keseluruhannya, konflik di selatan Thailand semasa era pentadbiran Surayud terus berada di tahap yang serius dan sukar dikawal oleh pihak berkuasa. Semenjak berlakunya rampasan kuasa tentera dari Thaksin, lebih dari 1000 kematian berlaku dalam konflik selatan Thailand di bawah pemerintahan kerajaan yang ditadbir oleh Surayud. Meskipun peningkatan konflik terus berlaku, faktor Surayud bukanlah satu-satunya punca kepada peningkatan konflik di selatan Thailand kerana beliau telah berusaha dengan gigih untuk menamatkan konflik dan melaksanakan pendekatan yang terbaik. Dua faktor utama mengapa konflik ini terus meningkat di era Surayud adalah disebabkan keengganan kerajaan Thailand memberikan taraf autonomi penuh kepada penduduk-penduduk di wilayah selatan Thailand dan keengganan kerajaan menarik balik undang-undang darurat di tiga wilayah utama yang bergolak. Meskipun undang-undang ini telah ditarik balik di 41 buah wilayah lain di selatan Thailand keadaan yang sama masih berterusan, malah jumlah penduduk yang terbunuh semakin meningkat (Chachavalpongpun 2010:63).

Bagi kerajaan pimpinan Surayud, autonomi dan kemerdekaan sukar diberikan bersandarkan kepada semangat nasionalisme dan dasar anti pemisahan. Manakala kegagalan mencapai perdamaian adalah disebabkan wujudnya terlalu banyak kumpulan pemisah dan anti kerajaan sehingga pemerintah gagal mengenalpasti kumpulan yang seharusnya terlibat dalam perundingan.

Penjelasan di atas menunjukkan meskipun Surayud telah melaksanakan pelbagai pendekatan yang positif dan berusaha mengembalikan kestabilan politik Thailand, namun usahanya masih tetap gagal dilaksanakan. Biarpun prestasi pemerintahannya adalah lebih baik daripada zaman Thaksin, pentadbiran beliau juga tidak terlepas daripada kritikan pembangkang dan rakyat. Selain dituduh merancang rampasan kuasa, Surayud turut berhadapan dengan dakwaan memiliki tanah hutan simpan (*forest encroachment*) dan rasuah. Dalam dakwaan kes berkaitan *forest encroachment*, Surayud dituduh melanggar *Forestry Act and the National Forest Reserves Act* dengan secara tidak sah memiliki sebidang tanah yang luas di kawasan pergunungan Yaithiang di wilayah Nakhon Ratchasima dan membina rumah mewah. Populariti Surayud sebagai Perdana Menteri semakin merosot secara ketara selepas skandal *forest encroachment* dan tragedi 2006 Bangkok New Year's Eve bombings. Kritikan dan kemerosotan prestasi kerajaan pimpinan Surayud menyebabkan beliau akhirnya bertindak mengadakan pilihan raya umum pada Januari 2008. Dalam pilihan raya ini, Parti Kuasa Rakyat (People's Power Party) pimpinan Samak Sundaravej berjaya memperoleh bilangan undi majoriti dan beliau seterusnya dilantik sebagai Perdana Menteri baru Thailand.

Pentadbiran Samak Sundaravej dalam Menangani Konflik Selatan Thailand

Setelah Surayud tewas dalam pilihan raya pada bulan Januari 2008, pemimpin Parti Kuasa Rakyat (PPP), Samak Sundaravej telah dilantik untuk mengetuai kerajaan Thailand selepas 40 tahun terlibat dalam politik. Pada tahun 1976, Samak bertanding dalam pilihan raya umum dan berjaya mengalahkan Kukrit Pramroj, seterusnya dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri di bawah pentadbiran kabinet Seni Pramroj. Beliau juga pernah dihantar oleh Seni Pramroj ke Singapura atas arahan istana pada Ogos 1976 untuk merundingi kepulangan Thanom Kittikachon, seorang pemimpin diktator tentera dan anti-komunis dalam buangan di Singapura.

Sehari sebelum kepulangan Thanom, iaitu pada 5 Oktober 1976, Samak telah dilucutkan jawatan Timbalan Menteri kerana terlalu lantang mendesak pemecatan tiga menteri dalam parti Liberal Demokrat yang menyokong fahaman komunis dan menentang kepulangan Thanom Kittikachon. Selepas dipecat, Samak masih memainkan peranan penting dalam kerajaan kerana diberi tanggungjawab menyuraikan demonstrasi besar-besaran yang dilakukan oleh sekumpulan pelajar di Universiti Thammasak kerana menentang

kepulungan Thanom pada 6 Oktober 1976. Ketika bertindak menyuraikan peserta-peserta demonstrasi tersebut, Samak telah menggunakan tindakan kekerasan dengan memperalatkan tentera sehingga menyebabkan kematian seramai 46 pelajar. Namun, beliau bertindak menangkis tuduhan menggunakan kekerasan dan menyatakan sesetengah pelajar mati kerana membunuh diri (Funston 2009:110).

Selepas insiden di Universiti Thammasak, Samak telah dilantik semula menganggotai kabinet dalam kerajaan baru. Seajar dengan pelantikannya, Samak mengadakan kempen besar-besaran untuk menangkap semua pemimpin sayap kiri (berfahaman komunis) sehingga membawa kepada penangkapan ratusan pemimpin dan kumpulan profesional yang terdiri daripada penulis dan golongan intelektual. Selepas mengukuhkan kedudukannya dalam politik, Samak menubuhkan Parti Prachakorn Thai pada tahun 1979, namun parti ini gagal memperoleh undi majoriti untuk mengalahkan Parti Demokrat dalam pilihan raya umum 1983 dan 1986. Pada tahun 1992, Samak dilantik memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri di bawah pentadbiran Suchinda. Beliau merupakan salah seorang penyokong kuat Thaksin bermula pada tahun 2001 hingga 2006 dan selepas parti Thai Rak Thai pimpinan Thaksin dibubarkan pada 30 Mei 2007. Pembubaran parti tersebut menyebabkan Samak bertindak menubuhkan parti baru yang dinamakan Parti Kuasa Rakyat (People's Power Party) bagi menggantikan parti Thai Rak Thai (Funston 2009:112). Parti PPP pimpinannya telah memenangi pilihan raya umum pada awal tahun 2007 mengalahkan Parti Demokrat pimpinan Surayud dan kemenangan tersebut memberi laluan kepada beliau untuk dilantik sebagai Perdana Menteri baru Thailand.

Di bawah pemerintahannya, tidak banyak perubahan yang berjaya dilakukan Samak bagi mengurangkan atau menyelesaikan krisis selatan Thailand yang masih berada di tahap tegang dan memuncak. Keadaan yang sama berterusan kerana Samak memberikan perhatian yang sangat terhad terhadap konflik di selatan Thailand kerana terpaksa menumpukan kepada pelbagai skandal dan isu politik. Misalnya skandal lama berkaitan pembunuhan kejam 46 mahasiswa Universiti Thammasak dalam kempen anti-kerajaan selepas Samak membawa pulang Jeneral Thanom Kittikachon (diktator tentera) dalam buangan di Singapura pada tahun 1976. Selain itu, Samak turut berhadapan dengan tekanan dalaman parti akibat perpecahan parti PPP pimpinannya, tuduhan pro Thaksin, rasuah dan demonstrasi besar-besaran kumpulan PAD. Akibat tercetusnya pelbagai isu ini, Samak tidak dapat memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap isu di selatan Thailand dan menyerahkan masalah di selatan Thailand kepada pentadbiran tentera. Justeru kurangnya tumpuan diberikan kepada masalah di selatan Thailand, maka konflik di wilayah selatan Thailand semakin serius.

Ketika mengambilalih pemerintahan daripada Surayud, jumlah kes kematian akibat keganasan di selatan Thailand adalah sekitar 2,500. Namun,

di bawah pemerintahan Samak, bilangan ini semakin berkurangan. Bilangan insiden tertinggi dicatatkan ketika Samak mengambilalih teraju pemerintahan dari Surayud ialah 120 pada Januari 2008 yang mengakibatkan sejumlah 68 terbunuh dan 127 cedera. Bilangan ini menunjukkan penurunan dan peningkatan semula secara tidak menentu dalam bulan-bulan selepasnya dengan pola yang tidak banyak berbeza seperti di era pentadbiran Surayud sebelumnya. Walau bagaimanapun, bilangan insiden ini masih kekal tinggi di sekitar 76-99 kes setiap bulan. Di antara beberapa contoh insiden keganasan yang berlaku dalam era pentadbiran Samak termasuklah peristiwa letupan bom oleh pemisah yang menggegarkan CS Hotel, di Patani pada 15 Mac 2008. Insiden tersebut hampir membunuh Senator Anusat Sutmongkol iaitu pemilik hotel berkenaan, manakala pemandunya mati terbunuh dan 12 individu terdiri daripada tetamu mengalami kecederaan. Hotel C. S Pattani dianggap salah satu tempat paling selamat untuk dikunjungi di kawasan tersebut dan sering dikunjungi oleh pegawai-pegawai kerajaan, tentera dan media yang datang membuat liputan keganasan di tiga wilayah selatan itu. Beberapa bom diletakkan di sebuah tempat letak kereta dan kesan letupan bom tersebut menyebabkan beberapa kereta rosak teruk (Funston 2009:126).

Selepas kejadian di CS Hotel Pattani, satu lagi insiden keganasan letupan bom berlaku pada 20 April 2008 di wilayah Yala. Dalam insiden tersebut, sebutir bom seberat 3-5 kilogram yang diletakkan dalam tong sampah berhampiran sebuah pasar yang sibuk di selatan Thailand meletup dan mengakibatkan seramai 13 orang awam cedera. Antara individu yang cedera dalam kejadian itu termasuklah empat anggota polis dan seorang kanak-kanak berusia empat tahun. Letupan berkenaan turut memusnahkan sebahagian besar bahagian hadapan rumah-rumah di kawasan yang berhampiran namun tidak ada pihak yang mengaku bertanggungjawab melakukannya. Semasa kegiatan pemisah sedang memuncak dan insiden letupan bom di selatan Thailand semakin meningkat di dalam bulan April 2008, Samak mengambil keputusan untuk mengunjungi Malaysiapada 24 April 2008 bagi merunding beberapa perkara berkaitan keselamatan selatan Thailand. Kehadiran Samak ke Malaysia pada 24 April 2008 diiringi dengan beberapa peristiwa letupan bom di selatan Thailand, antaranya insiden dua letupan bom di tepi Jalan Rangae, Narathiwat, mengorbankan empat anggota tentera dan mencederakan orang awam (Funston 2009:134).

Pada bulan Mei, bilangan keganasan meningkat kepada 99 kes berbanding 97 kes pada bulan sebelumnya. Antara insiden keganasan serius yang berlaku dalam bulan tersebut ialah serangan bom oleh sekumpulan pemisah di beberapa kawasan petempatan di Narathiwat pada 5 Mei 2008 yang membunuh 5 orang dan mencederakan 6 orang. Di samping itu, dua orang yang terbunuh adalah anggota tentera, manakala selebihnya adalah seorang awam dan dua orang pejuang pemisah. Bilangan insiden, kematian dan kecederaan pada bulan Jun dan Julai menunjukkan penurunan masing-masing kepada 88

dan 76 kes. Penurunan ini adalah ekoran masalah dan krisis politik dalaman yang dihadapi Samak akibat tekanan demonstrasi anti Thaksin oleh PAD. Pada 4 Ogos 2008, berlaku beberapa insiden serangan bom yang disyaki dilakukan oleh kumpulan pemisah berlaku di Sukhirin, wilayah Narathiwat berhampiran sempadan Thailand-Malaysia yang mencederakan seramai 60 orang. Letupan pertama berlaku di sebuah pasar di Sukhirin yang menyebabkan pihak berkuasa menghantar sepasukan anggota polis dan tentera untuk memeriksa keadaan yang berlaku. Bagaimanapun, ketika polis dan tentera menyita dan menutup kawasan terbabit, sebutir lagi bom meletup menyebabkan ramai orang awam yang berdiri berhampiran kawasan berkenaan tercedera (Tamada 2009:34). Sasaran utama kumpulan pemisah selatan Thailand adalah terhadap pihak berkuasa polis dan tentera, termasuk kumpulan penjawat awam kerajaan seperti guru yang dianggap sebagai agen sosialisasi penjajah dan penyebar dasar-dasar kerajaan.

Penjelasan di atas menunjukkan konflik di selatan Thailand terus bergolok pada era pentadbiran Samak sebagai Perdana Menteri baru Thailand. Konflik ini bukan hanya berkenaan dengan latar belakang sejarah penguasaan Siam ke atas Melayu, ataupun penguasaan Buddha terhadap Islam, tetapi lebih kepada mempertahankan nilai keMelayuan dan nilai keIslaman orang-orang Melayu di wilayah selatan. Secara keseluruhannya, serangan dengan cara letupan bom di tepi jalan atau di dalam kenderaan adalah pendekatan paling banyak dilakukan oleh kumpulan pemisah. Kaedah ini dipraktikkan oleh kumpulan pemisah bertujuan untuk memaksimumkan jumlah orang awam yang terkorban. Pemilihan strategi ini kemudiannya memberikan impak positif kepada puak pemisah, dalam hal menimbulkan ketakutan di merata-rata tempat yang pada akhirnya merudumkan legitimasi pemerintah berkuasa. Kedua, keberkesanan kos iaitu jika kumpulan pemisah memilih untuk melakukan perang gerila, kos yang besar perlu dikeluarkan, terutama sekali untuk membiayai peluru. Manakala menggunakan kaedah meletupkan bom di tempat terbuka seperti di dalam kenderaan ataupun di tepi jalan dapat menjimatkan kos kerana tidak melibatkan tenaga manusia yang ramai.

Di akhir era pemerintahan Samak Sudaravej, mahkamah memerintahkannya meletakkan jawatan akibat beberapa skandal peribadi, termasuk menerima bayaran menjadi hos rancangan memasak, bilangan insiden keganasan selatan Thailand telah meningkat kepada 3,300 kes. Ini menunjukkan antara Januari hingga September 2008 iaitu tempoh pemerintahan Samak, berlaku pertambahan sebanyak 800 kematian akibat krisis di selatan negara itu. Pertambahan yang pesat ini menunjukkan selatan Thailand sedang mengalami pergolakan yang serius meskipun kerajaan Thailand menegaskan keadaan tersebut sengaja diperbesar-besarkan bagi mendesak campur tangan pihak luar untuk membantu kumpulan pemisah memperoleh kemerdekaan. Sehingga di akhir tempoh pemerintahannya, Bangkok telah mengerahkan lebih 20,000 anggota tentera ke wilayah selatan dalam usaha mengurangkan

keganasan, namun penambahan anggota tentera ini telah meningkatkan lagi serangan hendap dan letupan bom oleh kumpulan pemisah (Tamada 2009:41).

Berbeza dengan Surayud, Samak sepanjang pemerintahannya tidak pernah melakukan lawatan ke wilayah selatan Thailand, meskipun kerap keluar negara untuk memperoleh sokongan menamatkan krisis politik di selatan negara itu. Sikap Samak ini menimbulkan kebencian dan ketidakpercayaan penduduk selatan Thailand terhadap kejujurannya dalam mewujudkan keamanan. Hal ini dapat dilihat jelas ketika Samak mengunjungi Malaysia pada 24 April 2008, beberapa peristiwa letupan bom berlaku di sekitar Nawathiwat. Letupan-letupan bom yang berlaku ini adalah isyarat yang diberikan kumpulan pemisah dari selatan Thailand terhadap Samak yang diyakini tidak dapat mengembalikan semula keamanan di wilayah terbabit. Reaksi penduduk selatan Thailand yang negatif terhadap Samak kerana partinya iaitu Parti Kuasa Rakyat (PPP) dilihat tidak lebih daripada 'penjenamaan semula' parti Thai Rak Thai (TRT) pimpinan Thaksin Shinawatra yang memerintah Thailand sebelum ini. Samak dilibale oleh kebanyakan rakyat sebagai sekutu paling kuat Thaksin dan turut dianggap masyarakat selatan Thailand sebagai pemerintah yang jarang sekali mengambil pendekatan berdiplomasi dalam menangani krisis di wilayah bergolak tersebut, terutamanya di Pattani dan Yala. Sewaktu pemerintahannya juga, tidak ada satu polisi yang kukuh dirangka hasil daripada pelbagai misi lawatannya ke luar negara untuk mewujudkan perdamaian di selatan Thailand.

Selain itu, kerajaan pimpinan Samak juga lemah dan bergolak, misalnya pada 10 Julai 2008, Noppadon Pattama, pegawai ketiga tertinggi dalam parti PPP meletakkan jawatan, manakala Yongyut Tiyapairat, timbalan ketua parti pula telah diharamkan terlibat dalam politik selama lima tahun kerana dijatuhkan hukuman akibat mengamalkan rasuah politik. Beberapa lagi pemimpin dalam parti PPP seperti Chiya Sasomsub pula digugurkan jawatan dalam kabinet kerana didakwa menipu harta isterinya, manakala Noppadon dan beberapa pemimpin lain di dalam kabinet PPP turut dituduh secara kolektif di mahkamah di atas dakwaan terlibat dalam membantu Kemboja membida kuil warisan tertua di Thailand 'Preah Vihear Temple'. Tuduhan ini menyebabkan Noppadon dan beberapa individu yang lain dijatuhkan hukuman bersalah kerana melanggar artikel 190 dan 270 Perlembagaan Thailand dan terpaksa meletak jawatan (Tamada 2009:49).

Akibat beberapa isu tercetus melibatkan pemimpin-pemimpin PPP, wujud sebuah gerakan mendesak Samak meletak jawatan, tetapi Samak menegaskan beliau enggan meletak jawatan menyebabkan sekitar 30,000 aktivis anti-kerajaan dipimpin oleh kumpulan PAD menguasai kediaman rasmi Samak di bandar Bangkok. Tindakan aktivis-aktivis tersebut menyebabkan Samak melarikan diri dan berlindung di bawah kawalan tentera dan seterusnya mencetuskan rusuhan berlaku sehingga kebanyakan bangunan pentadbiran kerajaan dikepung aktivis. Kesan daripada demonstrasi dan rusuhan ini, seramai 45 orang pemimpin PAD ditahan namun demonstrasi tersebut telah

melumpuhkan sistem aliran keretapi dan lapangan terbang di Bangkok, Krabi dan Hatyai. Demonstrasi yang berterusan sejak Ogos hingga September 2008 akhirnya menyebabkan Samak bertindak mengumumkan undang-undang darurat pada 2 September 2008 dan hanya ditamatkan pada 14 September 2008 (Tamada 2009:58).

Ekoran krisis politik yang berterusan tersebut, Mahkamah Perlembagaan Thailand pada 9 September 2008 bertindak memutuskan Samak hilang kelayakannya sebagai PM. Bagaimanapun Samak enggan meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri kerana masih yakin mendapat sokongan padu ahli PPP. Namun, perpecahan dalam parti PPP semakin jelas berlaku apabila ramai ahli-ahli bertindak mengundi Somchai Wongsawat iaitu Timbalan Menteri Kewangan sebagai calon PM baru Thailand. Kesan perpecahan dalaman parti PPP ini, Samak akhirnya memutuskan untuk meletakkan jawatan selepas lapan bulan mengetuai pentadbiran kerajaan Thailand.

Krisis Politik di Wilayah Selatan Thai: Dari Era Pentadbiran Somchai Wongsawat hingga Chaovarat Chanweerakul

Pemerintahan Somchai Wongsawat dan Chaovarat Chanweerakul mencatatkan tempoh pentadbiran yang paling pendek dalam sejarah politik di Thailand. Seperti zaman pentadbiran Samak Sundaravej sebelumnya, Somchai dan Chaovarat tidak menggubal sebarang dasar baru ke arah mewujudkan kestabilan dan menamatkan konflik di selatan Thailand sepanjang mengetuai kerajaan. Kedua-dua pemimpin ini tidak dapat memberi fokus yang khusus kepada konflik selatan Thailand kerana perlu memberi lebih banyak perhatian terhadap desakan rakyat untuk meletak jawatan akibat pelbagai skandal politik dalaman di Thailand. Sebagai contohnya, Somchai dianggap pemimpin boneka dan tidak diyakini mampu membawa perubahan kepada Thailand kerana beliau adalah adik ipar kepada Thaksin. Beliau menghadapi dua isu besar yang perlu ditangani selepas dilantik memegang jawatan Perdana Menteri iaitu krisis politik Thailand 2008 dan krisis kewangan global 2008.¹ Beliau juga turut menghadapi tekanan akibat pelbagai skandal penglibatannya dalam perniagaan yang melanggar peraturan perlembagaan. Setelah dihadapkan ke mahkamah, Somchai kemudiannya telah didapati bersalah kerana memiliki saham dalam syarikat CS LoxInfo PCL dan Internet Cat Telecom (Chachavalpongpun 2010:112)

Sepanjang tempoh pentadbiran Somchai, terdapat beberapa insiden penting keganasan terhadap penduduk-penduduk di wilayah selatan Thailand misalnya serangan pemisah di Yala pada 16 September 2008 iaitu setelah beberapa hari pelantikannya sebagai Perdana Menteri. Serangan tembak menembak dan letupan bom ini bertujuan memberi amaran kepada Somchai bahawa isu selatan Thailand masih belum selesai dan akan terus bergolak meskipun Perdana Menteri bersilih ganti. Dalam insiden ini, enam orang

terbunuh terdiri daripada penduduk Islam dan Buddha dan pada waktu yang sama pembunuhan kejam turut berlaku ke atas seorang penoreh getah beragama Islam bersama anak lelakinya ketika pulang dari menoreh. Ketika pihak berkuasa memeriksa tempat kejadian, sekumpulan pengganas yang tidak dikenali mengebom anggota polis menyebabkan seorang maut, dan masing-masing empat polis dan lima orang awam cedera. Di sebelah malam pula, anggota polis menemui mayat seorang lelaki Islam ditembak di atas jalan dan dua mayat lelaki Islam yang ditembak di hadapan rumahnya. Insiden ini adalah yang pertama berlaku semasa Somchai memegang teraju pentadbiran kerajaan setelah kumpulan pemisah mengisytiharkan gencatan senjata pada 17 Julai 2008 (Che Mohd Aziz 2009:136).

Selain itu, masih terdapat beberapa insiden keganasan lain semasa pemerintahan Somchai sebagai Perdana Menteri misalnya pada 22 Oktober 2008, berlaku satu keganasan melibatkan pembunuhan seorang pemandu lori oleh sekumpulan lelaki tidak dikenali. Manakala pada 2 November 2008, berlaku serangan oleh kumpulan pemisah ke atas sebuah keluarga Buddha di Narathiwat dan membunuh seorang ibuserta mencederakan lima orang penduduk. Keganasan terus menyusul pada 4 November 2008 di Sukhirin, Narawthiwat apabila dua butir bom seberat 12 kilogram diletupkan oleh kumpulan pemisah sehingga mencederakan 71 orang penduduk dan 12 daripadanya mengalami cedera parah (Tamada 2009:146). Pada 18 November 2008 pula, satu kumpulan bersenjata menembak mati tujuh orang penduduk, termasuk dua wanita dalam beberapa serangan di Patani dan Narathiwat. Peristiwa tersebut merupakan peristiwa terakhir sebelum Somchai disingkirkan dari kedudukannya sebagai Perdana Menteri oleh mahkamah tinggi Thailand. Semasa di akhir tempoh pentadbirannya, seramai hampir 200 penduduk telah terbunuh akibat konflik selatan Thailand walaupun beliau mentadbir kerajaan dalam tempoh yang singkat (Tamada 2009:146).

Selepas disingkirkan daripada jawatannya, kedudukan Somchai sebagai PM telah diambil alih oleh Chaovarat Chanweerakul. Seperti pentadbiran sebelumnya, Chaovarat juga tidak sempat melakukan apa-apa inisiatif baru ke arah menamatkan konflik dalam tempoh pemerintahannya selama 14 hari. Namun, dalam tempoh pentadbiran Chaovarat yang singkat tersebut masih terdapat beberapa insiden keganasan terhadap penduduk-penduduk di wilayah selatan Thailand. Di antaranya ialah insiden letupan bom di stesen minyak oleh pemisah yang mengorbankan 9 orang penduduk termasuk seorang anggota polis dan mencederakan 12 orang di Narathiwat pada 10 November 2008. Manakala pada hari yang sama di Yala, dua individu lelaki dalam pertengahan umur dibunuh oleh kumpulan pemisah melalui tembakan senapan patah buatan sendiri.

Konflik Selatan Thailand di bawah Pentadbiran Abhisit Vejjajiva

Selepas perletakan jawatan Choavarat Chanweerakul sebagai Perdana Menteri Thailand pada 17 Disember 2008 akibat krisis perlembagaan, ramai ahli parlimen PPP bertindak meninggalkan parti tersebut dan mewujudkan pakatan baru dengan Parti Demokrat pimpinan Abhisit Vejjajiva. Ini termasuklah ahli-ahli Parlimen daripada parti Chart Thai Party, Thais United National Development Party, Neutral Democratic Party dan the Friends of Newin. Melalui gabungan baru parti-parti ini, Abhisit telah berjaya memperoleh sokongan kuat di Parlimen dan seterusnya membolehkan beliau dilantik sebagai Perdana Menteri baru Thailand pada 17 Disember 2008.

Pada hari pelantikan Abhisit ke jawatan Perdana Menteri, empat letupan bom dilaporkan berlaku di Narathiwat dan Yala manakala tiga lagi letupan berlaku di Pattani. Tindakan meletupkan bom tersebut merupakan isyarat awal oleh pejuang pemisah bahawa gerakan pemisahan dan tuntutan kemerdekaan akan dilancarkan secara berterusan. Pada 20 Disember 2009, iaitu tiga hari selepas menjadi Perdana Menteri, satu letupan bom seberat 16 kilogram berlaku di Patani sehingga menyebabkan seorang penduduk awam lelaki terbunuh dan mencederakan 11 orang yang lain. Insiden keganasan terus berlaku setiap hari di beberapa wilayah, namun pada 22 Disember 2009, kumpulan pemisah PULO telah memulakan langkah menawarkan perundingan dengan kerajaan Abhisit tetapi pelawaan tersebut telah ditolak oleh kerajaan (Chalk 2008:45).

Keengganan kerajaan Abhisit berunding dan memenuhi tuntutan ini menyebabkan peristiwa penentangan oleh kumpulan pemisah berterusan meningkat. Pada 24 Februari 2010, dua anggota tentera telah dibunuh oleh kumpulan pemisah dengan kejam bersama pasangan masing-masing apabila kepala mereka dipenggal dan diceraikan daripada badan. Sementara itu, suasana ketegangan dan huru-hara terus berlaku dan pada masa yang sama kumpulan PULO mengeluarkan amaran akan terus berjuang dan meminta bantuan asing, serta akan menuntut pembebasan Yala, Narathiwat, Patani dan Satun sebagai wilayah merdeka atau wilayah yang diberikan keistimewaan. Di samping itu, kumpulan BRN-Koordinat pula menyatakan akan terus merekrut dan melatih etnik Melayu Islam menjadi militan sehingga berjaya mencapai sasaran keanggotaan sejumlah 3,000 kekuatan pejuang. Kumpulan pemisah BRN-Koordinat juga menegaskan akan mempertahankan ideologi nasionalisme perjuangan kemerdekaan dan melancarkan revolusi apabila kekuatan kumpulan tersebut sudah mencukupi (Chalk 2008:53).

Di sebalik tekanan konflik dan keganasan yang berlaku di pelbagai wilayah selatan Thailand, Abhisit bertindak muncul di TV Al-Jazeera edisi Inggeris pada 28 Februari 2009 dengan menyatakan kerajaannya telah merangka suatu dasar yang menekankan keadilan, keselamatan, pemulihan ekonomi dan layanan saksama ke atas penduduk selatan Thailand sebagai

elemen kunci bagi penyelesaian konflik di wilayah tersebut. Keengganan Abhisit memenuhi tuntutan kumpulan pemisah untuk mendapatkan hak autonomi dan kemerdekaan menyebabkan insiden keganasan terus berlaku di selatan Thailand. Jika dibandingkan dengan era pemerintahan Samak dan Surayud, era pentadbiran Abhisit menunjukkan rekod insiden yang paling rendah tercetus, malah kadar kematian dan kecederaan penduduk awam juga berkurangan. Walaupun keadaan berubah sedemikian, pola penurunan konflik secara konsisten tidak juga berlaku dan keadaan ini menjelaskan bahawa konflik di selatan Thailand tidak memberikan tanda-tanda akan berakhir.

Sepanjang tahun 2009, bilangan insiden keganasan di wilayah selatan Thailand tertinggi berlaku pada April, Ogos dan September. Pada bulan Januari 2009, sejumlah 67 insiden berlaku membabitkan 33 kematian dan 75 kecederaan. Bilangan insiden keganasan berpunca daripada kesan konflik meningkat kepada 75 kes pada bulan Februari dan menurun kepada 74 kes pada Mac 2009, tetapi menunjukkan peningkatan semula pada bulan April. Di antara beberapa insiden serius yang berlaku pada tahun 2009 ialah kejadian serangan bersenjata dan bom pada 7 dan 8 Jun 2009 di Jingo Narathiwat sehingga mencederakan sembilan anggota tentera dan menyebabkan dua ahli kumpulan pemisah. Selepas tercetusnya insiden ini, berlaku insiden balas dendam yang dipercayai dilakukan oleh anggota tentera pada 8 Jun 2009 di Kampung Ai Payee, daerah Cok Air Rong, Patani apabila sekumpulan enam lelaki bertopeng menembak dan megebom sejumlah 24 jemaah di hadapan masjid Al-Furqan. Dalam insiden ini 11 jemaah terbunuh manakala 13 yang lain cedera parah. Kerajaan Abhisit menjelaskan kejadian tersebut dicituskan oleh kumpulan militan Muslim, tetapi dakwaan tersebut dibantah penduduk yang yakin ianya dilakukan oleh kumpulan tentera yang menyamar untuk membalas dendam. Peristiwa ini turut menimbulkan kemarahan dan ketidakpercayaan penduduk terhadap kerajaan Abhisit serta pihak tentera sehingga menyebabkan kegiatan anti-kerajaan terus meningkat.

Selepas insiden di Al-Furqan, satu lagi insiden tembak menembak di antara sekumpulan pemisah dan tentera berlaku pada 27 Jun 2009 di kawasan perkampungan Benang Satar, Patani mengakibatkan tiga anggota tentera dan seorang pejuang pemisah terbunuh. Setelah insiden keganasan tersebut berakhir, kumpulan pemisah PULO mengisytiharkan akan berjuang sehingga ke titisan darah terakhir dan menegaskan prinsip perjuangan mereka kini telah berubah kepada gerakan jihad. Keganasan terus memuncak antara Ogos dan September 2009 mengakibatkan seramai 11 lagi penduduk terbunuh di Narathiwat akibat ditembak dan dibom oleh sekumpulan pemisah, manakala di Patani, seorang guru agama Islam dan anaknya mati ditembak dalam perjalanan pulang dari Surau. Pada 4 September 2009, sebutir bom seberat 50 kilogram diletupkan pemisah di deretan kedai restoran di Yala menyebabkan seorang anggota polis terkorban dan 12 lagi cedera.

Peningkatan insiden keganasan dalam bulan September dan Oktober

2009 menyebabkan Abhisit semakin menyedarikonflik yang berlarutan di selatan Thailand bukanlah masalah yang boleh diselesaikan dengan cara yang mudah. Kegagalan menyelesaikan konflik ini mendorongnya menggunakan pendekatan lebih lembut dan mendekati masyarakat selatan Thailand. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Abhisit telah mengatur pertemuan dengan PM Malaysia, Najib Tun Razak bermula 8 hingga 9 Disember 2009 bagi mendapatkan pandangan dan cadangan penyelesaian krisis di selatan Thailand. Berdasarkan pertemuan awal kedua-dua pemimpin ini di Bangkok, Abhisit telah bersetuju menerima cadangan Malaysia supaya pendekatan autonomi kepada wilayah selatan Thailand digunakan sebagai pilihan terbaik.

Persetujuan Abhisit ini telah disambut dengan perasaan gembira oleh penduduk selatan Thailand yang berharap dan mengalu-alukan campurtangan Malaysia dalam menyelesaikan krisis ini. Meskipun demikian, beberapa kumpulan pemisah seperti PULO dan BRN tidak menyandarkan harapan yang kuat akan tercapainya hasrat menuntut autonomi. Walaupun begitu, lawatan Abhisit dan Najib ke wilayah selatan Thailand tetap diteruskan apabila kedua-duanya melakukan lawatan ke Bukit Bunga dan Ban Buketa pada 9 Disember 2009. Kehadiran mereka disambut dengan kawalan ketat oleh tentera dan polis, namun beberapa siri letupan bom masih dilakukan kumpulan pemisah sebagai isyarat bahawa perjuangan mereka adalah masih belum berakhir. Dalam pertemuan ini, beberapa aspek berkaitan keselamatan antara sempadan, pelaburan, pembangunan bersama dan bantuan pendidikan dan kemahiran ditawarkan kerajaan Malaysia kepada penduduk wilayah selatan Thailand. Di samping itu, Najib turut mengambil peluang berjumpa dengan beberapa pemimpin Islam di selatan Thailand dan menggesa konflik diselesaikan dengan cara rundingan bagi mengelakkan lebih banyak penduduk yang tidak bersalah menjadi mangsa. Namun, pertemuan Abhisit-Najib tidak disusuli dengan sebarang perbincangan mengenai pemberian autonomi kepada wilayah selatan Thailand.

Akibat tiada sebarang draf dikeluarkan mengenai rancangan autonomi selepas pertemuan Abhisit dengan Najib, kumpulan pemisah menganggap pertemuan kedua-dua pemimpin tersebut adalah sia-sia. Para pemimpin kumpulan pemisah seperti PULO, BRN-Coordinate dan Gempar menegaskan bahawa penduduk selatan Thailand sebenarnya telah ditipu kerana sejak pertemuan berkenaan, tiada perisytiharan rasmi kerajaan Thailand mengenai pemberian autonomi dan tiada sebarang usaha positif dibuat untuk membolehkan wilayah-wilayah ini bertindak ke arah rancangan autonomi. Keengganan kerajaan memberikan autonomi seperti yang dijanjikan oleh Abhisit sebelumnya telah mendorong pelbagai konflik keganasan berlaku. Insiden-insiden keganasan dan pemisah berlaku hampir setiap minggu, misalnya pada 6 Januari 2010 sebuah restoran di Sungai Golok diserang sekumpulan lelaki pemisah yang memakai pakaian sukarelawan ronda dan melepaskan tembakan serta melontarkan bom sehingga menyebabkan seorang

anggota polis terbunuh. Manakala pada 15 Januari 2010 pula, tiga individu terbunuh dan 17 penduduk etnik Siam-Buddha cedera ditembak sekumpulan pemisah di Patani. Berikutnya pada 12 Mac 2010, seorang anggota polis maut dibunuh di Banang Satar, Yala, 22 April 2010, seramaitigaorang penduduk Islam mati ditembak oleh sekumpulan lelaki bertopeng di Narathiwat.

Secara keseluruhannya, semenjak Abhisit dilantik sebagai PM Thailand, rancangan beliau untuk mewujudkan keamanan dengan memberikan keadilan, kesaksamaan, pembangunan ekonomi dan keselamatan kepada penduduk di selatan Thailand gagal dilaksanakan. Kegagalan menamatkan keganasan di wilayah terbabit berpunca daripada perbezaan persepsi antara kumpulan pemisah dengan pihak kerajaan. Kumpulan pemisah misalnya, melihat autonomi yang dicadangkan oleh Bangkok hanyalah sebagai 'politik rumah api' yang dimainkan oleh Abhisit agar beliau dilihat oleh pihak luarbersikap mesra terhadap rakyat Melayu Islam di selatan Thailand, tetapi keadaan sebaliknya berlaku. Kumpulan-kumpulan pemisah merasakan wujudnya tindakan diskriminasi dan peminggiran orang Melayu Islam berbanding dengan rakyat Thai-Budha. Oleh itu, kumpulan-kumpulan pemisah seperti PULO, BRN, GMIP dan Gempar mempertahankan ketegasan dan pendirian mereka untuk menuntut autonomi daripada kerajaan Thailand.

Perbincangan di atas menunjukkan Abhisit juga gagal dalam mengatasi masalah konflik di selatan Thailand. Walaupun beliau dinilai lebih mesra dengan rakyat Melayu Islam di selatan berbanding Thaksin, tetapi puak pemisah juga melihat Abhisit tidak ubah seperti pemimpin-pemimpin kaum Thai sebelumnya. Hujah ini dapat dijelaskan melalui keengganan beliau untuk memberikan autonomi kepada rakyat Melayu Islam di wilayah tersebut. Kegagalan Abhisit melaksanakan janji tersebut dapat dilihat dari diskriminasi dan peminggiran masyarakat Melayu Islam yang berterusan di wilayah terbabit. Keadaan tersebut yang berlarutan akhirnya mencetuskan pemberontakan dan tuntutan untuk memisahkan diri dengan pemerintahan pusat di Bangkok. Kebencian rakyat Melayu Islam terhadap Abhisit dapat dilihat dalam pilihan raya 3 Julai 2011 apabila beliau gagal mempertahankan kedudukannya sebagai PM. Keputusan pilihan raya tersebut menunjukkan Abhisit tidak lagi diyakini dapat mengatasi dan menyelesaikan masalah konflik di wilayah selatan Thailand.

Kesimpulan

Perkembangan konflik selatan Thailand sejak dari era Thaksin sehingga Surayud, Samak, Somchai, Chaovarat dan Abhisit menunjukkan keamanan tidak dapat dicapai dengan hanya membangunkan sektor ekonomi dan keadilan sosial sahaja kepada penduduk Melayu di selatan Thailand. Elemen penting yang meredakan keganasan dan ketegangan penduduk di wilayah tersebut ialah dengan memberi kuasa autonomi kepada penduduk Melayu Islam. Perjuangan

pemisahan ini adalah berakar umbi daripada sejarah wilayah selatan Thailand sebagai negeri-negeri Melayu yang merdeka sebelumnya. Masyarakat di selatan Thailand menghadapi pelbagai rintangan dan penindasan di bawah pentadbiran kerajaan Thailand. Semenjak berada di bawah kerajaan Thailand, kaum Melayu bukan sahaja dilihat sebagai warganegara kelas kedua, tetapi juga diasimilasikan supaya dapat menerima agama dan kebudayaan Siam. Pengasimilasian ini menyebabkan orang Melayu Islam merasakan hak mereka untuk berpolitik, menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi dan pendidikan, menggunakan tulisan jawi dan melaksanakan perundangan Syariah Islam dan lainnya telah didiskriminasikan oleh kerajaan.

Ketidakjujuran pemimpin Thailand dalam menyelesaikan krisis selatan Thailand menyebabkan masyarakat Melayu Islam tidak lagi mempercayai mereka untuk menyelesaikan konflik yang dihadapi. Ini kerana terdapat banyak janji dalam konteks pembangunan, keadilan dan sebagainya tidak ditunaikan sama ada pada zaman Surayud, Samak, Somchai dan Abhisit sendiri. Pertempuran kumpulan pemisah dengan pihak tentera Thailand telah mengakibatkan jumlah kematian dan kecederaan yang besar dalam kalangan masyarakat awam yang tidak bersalah. Sekiranya Thailand ingin mewujudkan keamanan di wilayah selatan, maka kerajaan perlu bersedia untuk melaksanakan beberapa perubahan sama ada yang kecil mahupun radikal. Kerajaan Thailand perlu mengiktiraf pluralisme dan menghargai setiap rakyatnya tanpa mengira bangsa. Setiap peristiwa yang berlaku semenjak 2004 hingga kini sesuai dikategorikan sebagai pembunuhan etnik yang dilakukan oleh kerajaan Thailand ke atas masyarakat Melayu Islam atas alasan untuk menentang teroris Islam dan gerakan pemisahan.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. 1994. *Gerakan anti penjajahan di Malaysia 1511-1950: pengaruh agama dan tarikat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan.
- Adi Saputra & Syahril Sarbini. 2007. *Sebab-sebab munculnya konflik separatis di Thailand Selatan*. Jakarta: Penerbit Universitas Budi Luhur.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 1994. *Pengantar sejarah Patani*. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Ahmad Omar Chapkia. 2002. *Politik dan perjuangan masyarakat Islam di selatan Thailand (1902-2002)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bangnara, A. 1977. *Patani dahulu dan sekarang*. Patani: Panel Penyelidikan Angkatan al-Patani.
- Chachavalpongpun, P. 2010. *Reinventing Thailand: Thaksin and his foreign policy*. Singapore: ISEAS.

- Chalk, P. 2008. *The Malay-Muslim insurgency in southern Thailand: understanding the conflict's evolving dynamic*. Santa Monica: RAND Corporation.
- Che Mohd Aziz Yaacob. 2009. Konflik pemisah di selatan Thailand: isu, aktor dan penyelesaian. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Connors, M.K. 2006. Thaksin's Thailand: Thai politics in 2004-2005. Dlm. Cavan Hoque (pnyt). *Thailand's economic recovery*, 31-66. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.
- Croissant, A. 2005. Unrest in south Thailand: contours, causes and consequences since 2001. *Contemporary Southeast Asia* 17(1): 89-112.
- Croissant, A. & Dosch, J. 2001. Old wine in new bottlenecks? elections in Thailand under the 1997 Constitution. Leeds: University of Leeds.
- Fearon, J.D. & Laitin, D.D. 2000. Conflict, violence and social construction of ethnic identity. *International Security* 25: 845-887.
- Funston, J. 2009. Divided over Thaksin: Thailand's coup and problematic transition. Singapore: ISEAS.
- Gunaratna, R., Acharya, A. & Chua, S. 2005. Conflict and terrorism in southern Thailand. Bangkok: Marshall Cavendish.
- Hasan Madmarn. 2002. The pondok and madrasah in Patani. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Homer, T.F. 2003. Unfinished deliverance: The inside story of Phillipines Muslim fight for freedom. *International Security* 28: 41-76.
- Hourdequin, P. 2007. Malaysia's 2005-2006 refugee stand-off with Thailand: a security culture analysis. *International Relations of the Asia-Pacific* 8: 175-190.
- Ibrahim Syukri. 2002. Sejarah kerajaan Melayu Patani. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- International Crisis Group. 2003. Southern Thailand: The problem with paramilitaries. Asia Report No. 116, 23 October.
- International Crisis Group. 2004. Thailand: political turmoil and the southern insurgency. Asia Report No. 120, 28 August.
- International Crisis Group. 2007. Southern Thailand: the impact of the coup crisis group. Asia Report No. 129, 15 Mac.
- Imtiyaz Yusuf. 2009. Ethnoreligious and political dimensions of the southern Thailand conflict. Washington D.C.: Henry L. Stimson Center.
- Kakar, S. 2006. The colors of conflict: cultural identities, religion and status. Chicago: University of Chicago Press.
- Liow, J.C. 2008. *Muslim resistance in southern Thailand and southern Philippines: religion, ideology and politics*. Washington D.C.: East-West Center.
- Mahakanjana, C.N. 2006. *Decentralization, local government and sociopolitical conflict in southern Thailand*. Washington D.C.: East

West Center.

- McCargo, D. 1997. *Chamlong Srimuang and the new Thai politics*. London: Hurst.
- McCargo, D. 2000. *Politics and the press in Thailand: media machinations*. London: Routledge.
- McCargo, D. 2002. *Reforming Thai politics*. Copenhagen: NIAS Press.
- McCargo, D. & Bowra, R. 1997. *Policy advocacy and the media in Thailand*. Bangkok: Institute of Public Policy Studies.
- McCargo, D. & Pathmanand, U. 2005. *The Thaksinization of Thailand*. Copenhagen: NIAS Press.
- Miller, B. 2001. The concept of security: should it be redefined? *Journal of Strategic Studies* 24 (2): 117-129.
- Mohd Zamberi A. Malik. 1993. *Umat Islam Patani: sejarah dan politik*. Shah Alam: Hizbi.
- Mohd Zamberi A. Malik. 1994. *Patani dalam tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mokerapong, T. 1987. *Sejarah revolusi Thai*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Kamil K. Zaman. 1996. *Fatani 13 Ogos*. Kota Bharu: Percetakan Anggerik.
- Narine, S. 2002. *Explaining Asean: regionalism in Southeast Asia*. Boulder, Colo.: Lynne Rienner Publishers.
- Nathan, K.S. 2001. *Economic slowdown and domestic politics: Malaysia Boleh?* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Neil, J.M. 2007. *Conflict in southern Thailand: Islamism, violence and the state in the Patani insurgency*. Stockholm: SIPRI Policy Paper No. 20.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2006. *Sejarah perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Orjuela, C. 2004. *Civil society and civil war: peace work and identity politics in Sri Lanka*. Goteborg: Goteborg University Press.
- Phatharathananunth, S. 2006. *Civil society and democratization in Thailand*. Singapore: ISEAS.
- Phongpaichit, P. & Baker, C. 2004. *Thaksin: the business of politics in Thailand*. Chiang Mai: Silkworm Books.
- Phongpaichit, P. & Baker, C. 2005. *A history of Thailand*. New York: Cambridge University Press.
- Syukree, L. 2006. *Peacebuilding & peacemaking for Southern Thailand: effects and challenges*. Young Malaysian Scholars Training on Peace Studies, Conflict Resolution and Human Rights Education, 4-8 Desember 2006. Research and Education for Peace Unit. Universiti Sains Malaysia.
- Tamada, Y. 2009. *Myths and realities: the democratization of Thai politics*.

Kyoto: Trans Pacific Press.

- Unger, D. 2005. *Reflection on prime minister Thaksin's long term impact*.
Bangkok: King Prajathipok Institute.
- Ungpakorn, G.J. 2007. *A coup for the rich: Thailand's political crisis*.
Bangkok: Worker Democracy Publishing.

Nota Biografi

Azhar Ahmad (azhar_a66@yahoo.com) menerima Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Pengurusan dari Universiti Terbuka Malaysia dan Ijazah Sarjana dalam bidang Politik dan Kerajaan dari Universiti Putra Malaysia. Minat penyelidikan beliau adalah dalam bidang konflik minoriti di selatan Thailand dan selatan Filipina. Sekarang beliau sedang melanjutkan pengajian PhDnya dalam bidang politik di UPM dengan pengkhususan kepada gerakan kumpulan pemisah di selatan Thailand dan Filipina.

Jayum Jawan (jayum@putra.edu.com.my) adalah Profesor Politik dan Kerajaan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana dari Appalachian State University, Amerika dan Ijazah PhD dari University of Hull, England kedua-duanya dalam bidang Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa. Sejak menyertai UPM pada tahun 1982, beliau telah memegang beberapa jawatan penting di universiti. Antaranya ialah ahli Senat (2011-2014), wakil Senat dalam Jawatankuasa Kenaikan Pangkat (2012-2014), ahli dalam Jawatankuasa Pemilihan Pengarah Pusat dan Institut (2011-2014), dan Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah) di Fakulti Ekologi Manusia (2009-2013). Minat penyelidikan beliau adalah tentang pilihan raya, khususnya dengan melihat kepada peranan kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak.

Azmi Awang (azmi@jpp.gov.my) memperolehi ijazah sarjana dalam bidang Hubungan Antarabangsa dan Strategi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau banyak terlibat mengkaji tentang Akta Keselamatan Dalam Negeri dan pendemokrasian. Sekarang ini beliau sedang menulis tentang hegemoni dan pendemokrasian di Malaysia dengan melihat kepada ISA sebagai kes kajian untuk penyelidikan PhD beliau di Program Sains Politik, Univesiti Kebangsaan Malaysia.